

SAMBAR BIRU PUTIH

Blue-and-white
Flycatcher

FAMILI: Muscicapidae

NAMA SAINTIFIK: *Cyanoptila cyanomelana*

CIRI-CIRI

Individu jantan dewasa bagi spesies ini mempunyai bulu yang berwarna biru langit ke biru kehijauan pada bahagian atas badan manakala bahagian atas sisi kepala, atas dada dan bahagian dada berwarna hitam. Pada bahagian luar bawah ekor terdapat satu jalur dan tompokan yang berwarna putih. Bagi individu betina dewasa pula, ia lebih menyerupai spesies Sambar Ekor Putih, *Cyornis concretus*, sesetengah spesies Niltiva dan spesies Sambar Rimba, *Cyornis unicolor*, tetapi pada bahagian perut dan bawah tongkeng terdapat satu sempadan yang berwarna putih. Bahagian mahkota kepala dan tengkuk tidak terdapat warna biru ataupun warna putih pada bahagian ekor. Bahagian atas dada dan bahagian dada berwarna coklat pudar serta terdapat jalur-jalur melintang ataupun menegak berwarna kuning pucat ke warna putih pada bahagian bawah atas dada. Semasa musim panas, bahagian mahkota kepala dan dada selalunya berwarna kelabu. Bagi individu juvenil yang mengalami proses pertukaran bulu pada peringkat pertama, ia lebih menyerupai individu betina dewasa tetapi bahagian ekor, sayap dan bahagian belakang ke bahagian atas ekor lebih menyerupai individu jantan dewasa. Burung ini mempunyai saiz sekitar 18 sm.

MAKANAN

Makanannya terdiri daripada serangga-serangga dan buah-buahan yang bersaiz kecil.

HABITAT

Spesies ini boleh dijumpai di kawasan hutan dipterokap, kawasan pulau, taman-taman dan kawasan hutan pertanian pada ketinggian sehingga ke 1,830 m dari aras laut.

BUNYI

Burung ini mengeluarkan bunyi yang seakan-akan menekan *tic* dan bunyi *tac*.

PEMBIAKAN

Musim membiak bagi spesies ini adalah di antara bulan April hingga Mei di mana sarang dibina pada bahagian lubang pokok dan adakalanya pada bahagian tumbuhan pakis yang tumbuh di atas pokok.

STATUS

Akta 76/72, dipelihara sepenuhnya.